

309 PATI ditahan di penempatan tapak binaan

Tempat tinggal tak patuh SOP, wujud sejak lima tahun lalu, lengkap kemudahan asas

With Sumadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Dengkil: Seramai 309 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam serbuan di kawasan penempatan di sebuah tapak pembinaan, di sini, awal pagi semalam.

Semua 280 lelaki dan 29 wanita berusia antara 20 hingga 52 tahun itu sebahagian daripada 715 individu diperiksa dalam operasi

bersepadu terbabit.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata ia tangkapan terbesar tahun ini membabitkan 193 warga Indonesia, Bangladesh (102), Myanmar (lapan), Vietnam (empat) dan India (dua).

Beliau berkata, terdahulu pihaknya menerima maklumat awam mendakwa tempat tinggal berkenaan dipercayai melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuat kuasa.

Berdasarkan siasatan awal, katanya, penempatan dua tingkat itu dipercayai wujud sejak lima tahun lalu dengan dilengkapi bekalan elektrik dan air serta kemudahan kedai runcit.

Beliau berkata, pihaknya turut

mendapati wujud sebuah kedai kopi yang dijadikan pusat berkumpul serta *dine-in*, malah penghuni terbabit bergerak bebas tanpa mematuhi SOP ditetapkan.

Selain itu, katanya, tempat tinggal berkenaan didapati sesak dengan empat pekerja mendiami sesebuah bilik kecil.

“Kawasan penempatan itu juga kotor kerana tiada sistem kumbahan dan perparitan yang sempurna.

“Keadaan sedemikian boleh menimbulkan risiko pengangkutan wabak COVID-19,” katanya selepas menyertai operasi itu.

Operasi bersepadu bermula jam 12.30 tengah malam hingga 1.30 pagi semalam itu disertai 189 anggota pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Imigresen,



Antara 309 pendatang asing tanpa izin yang ditahan imigresen dalam operasi bersepadu di kawasan penempatan di tapak pembinaan di Dengkil, semalam. (Foto BERNAMA)

Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Tenaga Kerja Semanjung Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Ketika serbuan, Khairul Dzaimie berkata, ada warga asing terbabit yang cuba melarikan diri dengan merempuh pagar di kawasan penempatan itu sehingga mengalami kecederaan ringan, dirawat anggota APM.

Katanya, hasil pemeriksaan juga mendapati wanita warga Indonesia yang ditahan masuk ke Malaysia menggunakan Pas Lawatan Sosial untuk berada bersama suami mereka dan terus tinggal di negara ini melebihi tempoh ditetapkan.

Beliau berkata, 10 warga Ro-

hingya dengan kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Peralian (UNHCR), turut diperiksa.

“Dua daripada mereka ditahan kerana dikesan memiliki kad UNCHR palsu, manakala yang lain dibebaskan,” katanya.

Khairul Dzaimie berkata, semua PATI yang ditahan akan menjalani ujian saringan COVID-19, manakala siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 61(C) dan Seksyen 15(1)(C) Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Beliau berkata, mereka akan ditahan di Depoh Imigresen Semenyih sebelum diusir pulang ke negara masing-masing jika didapati bersalah.